



SIARAN MEDIA

MISI MAFI PRIHATIN KE PAHANG BAGI BANTU MANGSA BANJIR

PUTRAJAYA -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) hari ini melancarkan Misi MAFI Prihatin ke negeri Pahang bagi meringankan beban penduduk yang terkesan banjir di negeri tersebut.

Pelaksanaan Misi MAFI Prihatin ini merupakan inisiatif YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee yang turut melakukan pelepasan misi ini dari Wisma Tani yang bertolak ke Pahang.

Misi Bantuan MAFI Prihatin ini melibatkan penghantaran bantuan makanan, keperluan asas dan peralatan elektrik ke empat parlimen di Pahang iaitu di Lipis, Jerantut, Kuala Krau dan Maran.

Bantuan Banjir MAFI Prihatin merupakan hasil sumbangan dan tanggungjawab sosial pelbagai Jabatan dan Agensi dibawah MAFI antaranya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Selain produk makanan, turut disampaikan juga tajaan beras oleh pihak Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

Bantuan lain pula berupa barangan peralatan elektrik dan kelengkapan asas bagi membantu meringankan beban penduduk di kawasan yang terjejas banjir terutamanya kumpulan sasar MAFI iaitu petani, penternak dan nelayan yang akan diserahkan melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang terlibat.

Misi MAFI Prihatin ini akan diteruskan ke negeri-negeri yang terjejas banjir bagi meringankan beban mangsa banjir.

Pada sesi pelepasan hari ini, Ronald turut menyampaikan replika cek sumbangan daripada Persatuan Kebangsaan Bagi Pengairan dan Saliran Malaysia (MANCID) kepada Ahli Parlimen Lipis Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad, Ahli Parlimen Maran Datuk Seri Dr Ismail Abd Latif, Ahli Parlimen Kuala Krau Datuk Seri Dr Ismail Mohamed Said dan bagi Parlimen Jerantut diterima wakinnya Mahathir Latif.

Setiap parlimen menerima sumbangan RM16,125 yang merupakan sumbangan luar yang disalur kepada MANCID untuk bencana banjir.

Hadir sama pada sesi pelepasan ini adalah Timbalan Menteri MAFI 1 Datuk Seri Ahmad Hamzah, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MAFI Datuk Haslina Abdul Hamid dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI Dr Anis Mahmud.

Pada awal bulan ini, MAFI menerusi jabatan serta agensinya telah menyerahkan Kit Makanan Permulaan (KMP) untuk mangsa dan warga MAFI yang terjejas banjir di Johor dan Pahang.

Mengikut rekod, sebanyak 32,000 unit KMP juga telah diedarkan kepada Angkatan Pertahanan Awam di peringkat negeri dan daerah terutamanya di Pahang, Johor, Kelantan, Terengganu dan Sabah.

Sesi pelepasan ini telah mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

21 JANUARI 2021

PEGAWAI UNIT KOMUNIKASI KORPORAT MAFI

UNTUK DIHUBUNGI :

- 1) Abdul Taib Abdillah (018-9837990 / 03 – 88701383)**
- 2) Chindarayareh Jinti (013-8571226 / 03 – 88888152)**